

KAEDAH RAWATAN SAKA DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU

METHODS OF SAKA TREATMENT IN MALAY TRADITIONAL MEDICINE

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{1*}
Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin²
Kamarul Azuan Shah Mohd Mashuti³
Nur Azlina binti Roslan⁴
Ahmad Luqman Arshad Mohd Sidik⁵
Muhammad Atif Fitri Muhammad Salim⁶

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-Mail: yusri613@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-Mail: mohdz560@uitm.edu.my)

³ Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia/ Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPPDG9) Negeri Perak.

(E-Mail: kamarulazuanshah@gmail.com)

⁴ Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia/ Penyelaras Operasi, Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Perak.

(E-mail: azlinajaipk@gmail.com)

⁵ Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: 2024453668@student.uitm.edu.my)

⁶ Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: 2024453668@student.uitm.edu.my)

*Corresponding author: yusri613@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Salleh, M. Y. Y., Abidin, M. Z. Z. H., Mashuti, K. A. S. M., Roslan, N. A., Sidik, A. L. A. M. & Salim, M. A. F. M. (2025). Kaedah rawatan saka dalam perubatan tradisional Melayu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 352 – 367

Abstrak: Perubatan tradisional Melayu merupakan warisan ilmu tempatan yang mengandungi pelbagai kaedah rawatan bagi menangani gangguan fizikal dan spiritual, termasuk gangguan saka yang masih dipercayai oleh sebahagian masyarakat hari ini. Saka difahami sebagai entiti halus yang diwarisi secara tidak langsung melalui salasilah kekeluargaan, dan dikaitkan dengan pelbagai kesan negatif terhadap kesihatan rohani, emosi dan sosial pewarisnya. Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan secara sistematik kaedah rawatan saka yang

diamalkan oleh pengamal perubatan tradisional Melayu khususnya di negeri Kedah, Perak, Selangor dan Kelantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui temu bual separa berstruktur dengan lima orang pengamal perubatan tradisional yang berpengalaman di empat negeri tersebut serta analisis kandungan terhadap catatan lapangan, manuskrip perubatan lama dan pemerhatian terhadap sesi rawatan secara langsung. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah utama yang digunakan dalam rawatan saka antaranya ialah mandian limau dan bunga sebagai simbol penyucian diri, upacara menurun atau 'memanggil saka' bagi tujuan mengenal pasti entiti yang mengganggu, pemindahan saka ke medium lain seperti binatang atau pokok sebagai ikhtiar pemisahan, dan 'pemutusan perjanjian lama' melalui bacaan khusus atau pembakaran simbol lama. Selain itu, kajian turut mengenal pasti amalan pemindahan saka kepada waris tertentu secara sedar dan sukarela, sebagai sebahagian daripada tradisi keluarga dalam menjaga kesinambungan khidmat entiti tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rawatan saka dalam masyarakat Melayu merupakan sistem yang berstruktur dan diwariskan secara lisan, serta mengandungi unsur simbolik dan ritual. Kajian ini menyumbang kepada dokumentasi ilmu perubatan tradisional Melayu yang semakin terhakis, khususnya dalam aspek rawatan gangguan spiritual yang unik dan signifikan dalam pembentukan identiti budaya masyarakat.

Kata Kunci: Rawatan, Saka, Melayu

Abstract: Traditional Malay medicine is a legacy of local knowledge that encompasses various treatment methods to address physical and spiritual disturbances, including saka disturbances that are still believed by some segments of society today. Saka is understood as a subtle entity inherited indirectly through family lineage and is associated with various negative effects on the spiritual, emotional, and social well-being of its inheritors. This study aims to systematically document the methods of saka treatment practiced by traditional Malay healers, particularly in the states of Kedah, Perak, Selangor, and Kelantan. The study employs a descriptive qualitative approach through semi-structured interviews with five experienced traditional healers from the four states, as well as content analysis of field notes, old medical manuscripts, and direct observations of healing sessions. The findings indicate that several key methods are used in saka treatment, including lime and floral baths as symbols of self-purification; ritualistic summoning or 'calling the saka' to identify the disturbing entity; transferring the saka into another medium such as animals or trees as a means of separation; and 'severing old covenants' through specific recitations or burning of symbolic items. In addition, the study also identifies the conscious and voluntary transfer of saka to certain heirs as part of a family tradition to ensure the continuity of the entity's service. The study concludes that saka treatment in Malay society constitutes a structured and orally transmitted system, embedded with symbolic and ritualistic elements. This research contributes to the documentation of traditional Malay medicinal knowledge, which is increasingly diminishing, especially in the domain of spiritual healing as a unique and significant aspect in shaping the cultural identity of the community.

Keywords: Treatment, Saka, Malay

Pendahuluan

Saka merupakan salah satu konsep yang berakar umbi dalam kepercayaan tradisional masyarakat Melayu berkaitan dengan dunia makhluk halus dan warisan spiritual keluarga (Restiani et al., 2025). Meskipun fenomena ini sukar dibuktikan secara empirikal, kepercayaan terhadap kewujudan saka masih berakar kukuh dalam masyarakat, terutamanya di luar bandar dan dalam kalangan keluarga yang mewarisi amalan tertentu sejak turun-temurun (Julijanti & Sos, 2025). Kepercayaan ini sering dikaitkan dengan gangguan spiritual, kesukaran hidup, penyakit misteri dan keganjilan tingkah laku yang tidak dapat dijelaskan melalui kaedah perubatan moden (Robiatul, 2024; Pullongi & Saili, 2022). Dalam konteks ini, perubatan tradisional Melayu memainkan peranan penting dalam menangani isu berkaitan saka melalui kaedah rawatan yang unik berasaskan kefahaman budaya yang tersendiri (Aseh, 2024). Sehingga kini masyarakat Melayu masih lagi mendapatkan rawatan daripada pengamal perubatan tradisional berkaitan saka. Ini dapat dilihat daripada laporan akhbar di bawah:



Rajah 1: Kecenderungan Masyarakat Mendapatkan Rawatan Saka

Sumber: Harian Metro, 2016; BHarian, 2018; Bharian 2023

Secara etimologi, istilah saka dalam konteks masyarakat Melayu merujuk kepada makhluk halus seperti jin, semangat, atau entiti ghaib yang dikatakan diwariskan dari satu generasi ke generasi yang lain. Saka bukan sekadar entiti yang 'melekat' kepada individu secara rohani, bahkan dipercayai mempunyai kaitan dengan ikatan perjanjian terdahulu antara nenek moyang dengan entiti tersebut bagi tujuan tertentu seperti perlindungan, kekuatan, kemasyhuran, kepandaian, kekayaan atau penguasaan ilmu tertentu. Dalam pengertian yang lebih luas, saka juga membawa makna sebagai pusaka ghaib yang tidak dapat dilihat tetapi mempunyai pengaruh ke atas kehidupan pewarisnya (Haron Din & Mokhtar Kassan, 2014). Sejarah kepercayaan terhadap saka dalam budaya Melayu dipercayai berpunca daripada gabungan unsur animisme, Hindu-Buddha dan Islam yang membentuk kerangka pemikiran spiritual masyarakat sejak zaman awal pembentukan tamadun di Nusantara. Dalam sistem sosial tradisional, sesetengah keluarga mempunyai individu yang berperanan sebagai bomoh, dukun, pawang atau pendekar yang bukan sahaja menyimpan ilmu kebatinan, tetapi turut memiliki saka sebagai pendamping dalam menjalankan tugas rawatan, perlindungan atau kekuatan zahir dan batin. Saka ini dipercayai akan diwariskan apabila pemilik asalnya meninggal dunia, atau

apabila anak cucu menunjukkan kecenderungan untuk ‘menerima’ warisan ghaib tersebut, sama ada secara sedar atau tidak (Ulumi, 2024).

Susur galur saka dalam tradisi Melayu biasanya dikaitkan dengan hubungan kekeluargaan melalui salasilah sebelah ibu atau bapa. Saka warisan seperti ini biasanya diwariskan kepada anak sulung kepada keluarga (Rohmah, 2024). Namun, jika tidak sesuai ia akan diwarisi oleh anak yang mempunyai kecenderungan dan minat yang sama dengan generasi terdahulu. Namun, dalam beberapa kes, pewarisan boleh berlaku secara automatik kepada individu yang mewarisi barang-barang tertentu milik pemilik asal seperti keris lama, batu permata, tangkal, atau kitab tua. Proses ini dikatakan berlaku melalui simbol dan niat, sama ada disedari atau tidak oleh pewaris. Dalam keadaan tertentu, pewarisan ini juga berlaku secara ‘automatik’ apabila tiada waris yang ditentukan oleh pemilik asal, menyebabkan entiti tersebut memilih sendiri individu dalam keturunan yang dirasakan paling serasi (Santosa, 2022). Justeru itu, pewarisan saka sering kali tidak disedari sehingga muncul gangguan seperti mimpi pelik, lintasan ghaib, penyakit berulang, atau kehadiran entiti dalam bayangan dan suara. Fungsi saka dalam budaya Melayu pelbagai. Dalam kebanyakan situasi, ia digunakan sebagai pendamping yang melindungi keluarga daripada gangguan luar, membantu dalam rawatan tradisional, atau memberi ‘kelebihan’ tertentu kepada waris (Suidat et al., 2021). Namun, apabila tidak dikawal atau tidak diterima dengan baik, saka dipercayai boleh membawa mudarat dari segi mental, fizikal dan spiritual. Justeru, proses rawatan untuk memutuskan hubungan dengan saka menjadi penting bagi pewaris yang tidak mahu mewarisi entiti tersebut. Fungsi saka pada zaman dahulu ialah sebagai pembantu kepada pemiliknya seperti bertujuan untuk kerja pertanian seperti memugar tanah, menjaga tanaman dan menjaga kawasan. Pada zaman dahulu, saka juga digunakan untuk tujuan rawatan alternatif kerana ketiadaan kelengkapan perubatan moden dan hospital. Pada keadaan ini saka digunakan untuk membantu proses kelahiran dan tujuan perubatan lain. Saka juga digunakan dalam seni beladiri di mana ia bertujuan untuk pertahanan diri, kebal dan tempur rohani. Ia juga digunakan dalam aktiviti sihir dan untuk tujuan yang tidak baik. Rawatan ini dijalankan oleh pengamal perubatan tradisional yang mempunyai pengalaman dan ilmu turun-temurun dalam menghadapi entiti tersebut secara langsung (Santosa, 2021).

Kesedaran terhadap gangguan saka masyarakat Melayu membuka ruang kepada kajian yang lebih mendalam terhadap amalan rawatan tradisional yang diwarisi. Pendokumentasian kaedah rawatan saka bukan sahaja penting dari sudut warisan budaya, tetapi juga penting untuk kajian lanjutan dalam bidang hukum Islam di Malaysia. Rawatan terhadap saka ada yang bersifat kearifan tempatan sah, ada juga yang masih meragukan. Ia perlu kepada penilaian hukum yang komprehensif (Fauzan & Muliati, 2025). Maka, artikel ini berusaha merakamkan secara sistematik bentuk-bentuk rawatan saka yang masih diamalkan di beberapa negeri di Malaysia, khususnya di Kedah, Perak, Selangor dan Kelantan.

Sorotan Literatur

Perbincangan berkaitan saka dalam masyarakat Melayu telah lama menjadi sebahagian daripada kajian budaya, antropologi dan perubatan tradisional. Dalam konteks warisan lisan dan pengetahuan tempatan, saka bukan hanya difahami sebagai makhluk halus atau jin semata-mata, tetapi mewakili satu bentuk pewarisan rohani atau entiti ghaib yang dikaitkan dengan salasilah keturunan (Sahamit & Abdurahman, 2022). Kewujudan kepercayaan terhadap saka sering dikaitkan dengan sistem sosial masyarakat Melayu lama yang sangat bergantung kepada kekuatan spiritual dalam mendepani cabaran alam dan musuh yang tidak kelihatan. Dalam

sistem tersebut, entiti seperti saka dianggap sebagai pelindung, pembantu atau ‘penjaga’ yang diberi tempat dan peranan tersendiri (Azeharie, 2023).

Penulisan Haron Din et al.,(2014) merupakan rujukan penting dalam bidang perubatan Islam yang membincangkan konsep saka sebagai pewarisan makhluk halus dalam kalangan keturunan yang terlibat dengan amalan kebatinan atau penjagaan jin. Penulis menekankan bahawa rawatan saka hendaklah berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, bebas daripada unsur syirik serta menggunakan pendekatan ruqyah syar’iyyah berasaskan al-Quran dan Sunnah. Antara kandungan utama buku ini termasuk penjelasan tanda-tanda gangguan saka, perbezaannya dengan sihir dan penyakit biasa, serta panduan rawatan yang menekankan adab, niat dan kaedah yang dibenarkan oleh syariat. Walaupun buku ini banyak membantu masyarakat dalam mengenal pasti dan merawat gangguan saka secara Islamik, namun ia masih memerlukan pengukuhan daripada aspek kajian lapangan, dokumentasi kes dan pendekatan perundangan bagi menangani penyalahgunaan rawatan oleh individu yang tidak bertauliah. Secara keseluruhan, karya ini tetap memberi sumbangan besar dalam mendidik masyarakat agar menjauhi amalan khurafat dan kembali kepada kaedah rawatan yang sah di sisi syarak.

Sorotan literatur juga mendapati bahawa rawatan terhadap saka dalam budaya Melayu lazimnya berasaskan gabungan antara simbol, ritual dan bacaan tertentu yang diwarisi secara turun-temurun. Kaedah seperti mandian bunga dan limau, penggunaan air jampi, pembacaan mentera, serta upacara pemindahan atau pengasingan entiti ghaib telah menjadi sebahagian daripada kaedah asas rawatan saka. Kaedah-kaedah ini tidak sahaja dilakukan dalam konteks fizikal, tetapi turut melibatkan dimensi spiritual seperti penyucian diri, pemutusan niat batin dan pemulihan hubungan rohani dalam keluarga (Fauzan & Muliati, 2025). Selain itu, terdapat literatur yang membahaskan bahawa peranan pengamal perubatan tradisional seperti bomoh, pawang, bidan kampung dan tok guru memainkan peranan penting dalam rawatan tradisional saka. Mereka bukan sahaja dianggap sebagai. Pengalaman dan ilmu mereka biasanya diperoleh melalui proses pengalaman, pewarisan batin atau peristiwa spiritual yang membentuk kemahiran mereka sebagai perawat. Dalam konteks rawatan saka, mereka mempunyai kaedah tersendiri untuk mengenal pasti kehadiran entiti, berbicara dengan makhluk tersebut (melalui menurun), dan melakukan pemindahan atau pengurangan dengan cara yang dianggap berkesan menurut kebiasaan rawatan yang dijalankan (Solutions, 2024; Aldi, 2023). Literatur turut menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu, rawatan terhadap saka bukan semata-mata untuk menyembuhkan penyakit atau gangguan, tetapi juga untuk menamatkan kitaran perjanjian dengan makhluk halus yang seringkali mengganggu generasi demi generasi. Oleh itu, muncul konsep seperti ikrar pemutus dan pemindahan secara sukarela kepada waris yang sanggup meneruskan perjanjian lama. Aspek ini menunjukkan betapa rapatnya hubungan antara keluarga dan warisan spiritual dalam tradisi perubatan Melayu (Syahdan, 2021).

Sorotan ini memberi gambaran bahawa rawatan saka dalam budaya Melayu bukan sekadar reaksi terhadap gangguan spiritual, tetapi merupakan satu bentuk pengetahuan sistematik yang perlu dihargai, difahami dan didokumentasikan. Meskipun tidak sepenuhnya selari dengan epistemologi saintifik moden dan dari aspek kepatuhan syariah, warisan ini tetap mempunyai nilai dalam konteks antropologi perubatan dan keilmuan masyarakat tempatan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian ini melibatkan lima orang informan utama yang terdiri daripada pengamal perubatan tradisional Melayu yang berpengalaman, mewakili negeri Kedah, Perak, Selangor dan Kelantan. Kesemua informan telah menjalankan rawatan berkaitan saka secara aktif dalam

tempoh antara 10 hingga 40 tahun, dan menerima pesakit daripada pelbagai latar belakang usia dan keturunan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat kesinambungan amalan tertentu yang masih dikekalkan, serta variasi pendekatan mengikut latar budaya, tempat, dan warisan guru masing-masing.

Jenis-Jenis Saka dalam Alam Melayu

Kepercayaan terhadap saka dalam budaya Melayu bukanlah satu fenomena tunggal yang bersifat umum, sebaliknya ia merangkumi pelbagai bentuk dan kategori yang berkait rapat dengan struktur sosial dan peranan tertentu dalam masyarakat tradisional. Berdasarkan dapatan lapangan serta rujukan terhadap tradisi lisan dan hikayat lama, dikenal pasti sekurang-kurangnya lima jenis utama saka yang berperanan secara khusus dalam komuniti iaitu: saka tok nujum, saka bidan kampung, saka persilatan, saka tok bomoh, dan saka penjaga diri dan harta seperti hantu raya. Klasifikasi ini bukan sahaja menggambarkan kepelbagaian jenis entiti yang diwarisi, malah turut memperlihatkan bagaimana kepercayaan terhadap alam ghaib membentuk asas peranan dan kepakaran dalam sistem sosial masyarakat Melayu lama (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025).

Saka tok nujum merujuk kepada pewarisan entiti halus yang berkait dengan kebolehan menilik nasib, membaca alamat dan membuat ramalan masa hadapan. Individu yang mewarisi jenis saka ini sering kali menunjukkan kecenderungan luar biasa dalam memahami 'gerak rasa' batin, mengesan perkara yang akan berlaku atau memperoleh gambaran tertentu dalam mimpi yang menjadi kenyataan. Tok nujum dalam masyarakat dahulu dihormati sebagai penasihat utama kepada ketua kampung, panglima dan dalam sesetengah kes, penasihat khas kepada raja. Mereka sering diminta menentukan hari baik, menafsir mimpi, menilik jodoh dan memberi petunjuk dalam hal-hal yang melibatkan masa depan seseorang atau masyarakat. Pewarisan saka ini lazimnya berlaku dalam kalangan keluarga tok nujum sendiri dan sering dikenal pasti melalui tanda-tanda seperti anak cucu yang sering termenung, berbicara sendirian, mendakwa ada rakan atau mengelak dari tempat ramai. Dalam kebanyakan kes, individu ini 'dipanggil' melalui mimpi atau gerak rasa untuk meneruskan tugas nenek moyangnya (Informan 3, 2025; Informan 4, 2025).

Saka bidan kampung, atau juga dikenali sebagai saka tok susu lanjut pula berkait rapat dengan fungsi tradisional wanita dalam menjaga kelahiran dan kesihatan wanita hamil. Dalam budaya Melayu, bidan kampung tidak sekadar menyambut kelahiran, malah menjadi penjaga adat ketika berpantang, penyedia ramuan herba dan pengamal urutan selepas bersalin. Ramai tok bidan terdahulu dipercayai memiliki saka yang membantu mereka dalam memastikan kelahiran selamat, mengesan bayi songsang atau mengenal pasti penyakit berkaitan rahim dan penyusuan ibu. Saka ini biasanya diwarisi oleh anak atau cucu perempuan, terutamanya yang sejak kecil menunjukkan minat membantu ibu atau nenek ketika mengurus atau menyediakan herba. Tanda pewarisan sering muncul melalui mimpi seperti menyambut bayi, mendengar tangisan, menyusu bayi atau mengalami pengalaman ghaib sewaktu haid pertama (Informan 2, 2025; Informan 4, 2025).

Sementara itu, saka persilatan merujuk kepada semangat atau saka yang dikaitkan dengan keturunan pendekar, pahlawan atau guru silat. Dalam sistem persilatan Melayu, bukan semua kekuatan dianggap datang dari latihan fizikal semata-mata; ada sebahagian yang dikaitkan dengan kekuatan batin, ilmu kebal, gerak ghaib dan kepekaan luar biasa ketika berdepan musuh. Saka jenis ini dipercayai hadir dalam bentuk semangat harimau, pendamping panglima, atau saka pelindung yang masuk ke tubuh ketika pewaris dalam bahaya. Pewarisan saka ini boleh

berlaku melalui pemakaian busana tertentu, penggunaan senjata warisan seperti keris, atau melalui amalan masuk gelanggang yang mengaktifkan tenaga secara ghaib. Dalam banyak kes, pewaris saka ini akan mengalami mimpi bertemu tok guru silat lama, atau melihat makhluk besar seperti harimau, naga atau manusia berjubah putih yang memberi isyarat perlindungan. Saka persilatan sangat dikaitkan dengan perasaan gagah, keberanian dan karisma luar biasa yang sukar dijelaskan secara logik. Pewaris saka jenis ini biasanya akan mampu mempersembahkan bunga silat ketika alunan gendang silat dimainkan (Informan 1, 2025; Informan 5, 2025; Mat Rafi & Raja Halid, 2021).

Satu lagi bentuk saka yang sering ditemui dalam masyarakat Melayu ialah saka rawatan tradisional yang berkait dengan peranan tok bomoh, dukun atau pawang. Golongan ini bertindak sebagai penyembuh utama dalam masyarakat sebelum kedatangan sistem perubatan moden. Mereka merawat penyakit biasa dan luar biasa termasuk gangguan makhluk halus, santau, bisa badan dan misteri kehilangan. Tok bomoh yang berpengalaman biasanya mempunyai pembantu ghaib yang membantu mereka dalam sesi rawatan, memberi ilham atau menguatkan bacaan jampi. Pewarisan saka ini berlaku apabila tok bomoh mula tua dan mencari pengganti dalam kalangan anak cucunya. Mereka akan diuji secara batin sama ada melalui mimpi, lintasan ghaib atau kehadiran pesakit secara tiba-tiba ke rumah pewaris. Ramai pewaris saka ini mendapati diri mereka mampu merawat secara spontan walaupun tidak pernah mempelajarinya secara formal. Saka jenis ini disifatkan sebagai khadam istilah orang Melayu (Informan 3, 2025; Informan 4, 2025).

Akhir sekali, saka penjaga diri dan harta, atau lebih dikenali sebagai hantu raya, merupakan antara jenis saka yang paling digeruni kerana sifatnya yang keras dan tuntutan balasan yang berat. Saka ini dikatakan diberikan oleh individu terdahulu untuk menjaga sawah, ternakan, rumah atau keluarga daripada penceroboh atau sihir. Hantu raya dipercayai boleh menyerupai tuannya bergerak pada waktu malam dan mampu menyerang musuh tanpa diketahui sesiapa. Namun demikian, saka jenis ini sangat berisiko kerana sering meminta korban atau syarat tertentu seperti darah, makanan mentah atau pengasingan sosial. Jika tidak diturunkan kepada waris yang sesuai, entiti ini dikatakan boleh 'mengamuk' menyebabkan ahli keluarga jatuh sakit, menjadi murung atau hilang akal. Pewarisan hantu raya kadangkala berlaku secara terpaksa, terutama jika waris mewarisi rumah atau barangan tertentu tanpa melakukan pemutusan secara ritual (Informan 1, 2025; Informan 5, 2025).

Kesemua jenis saka ini menunjukkan bahawa kepercayaan terhadap saka dalam alam Melayu adalah kompleks, bersifat fungsional dan berkait erat dengan struktur peranan dalam masyarakat tradisional. Ia bukan semata-mata khayalan atau kepercayaan kosong, tetapi dibina atas landasan budaya, pengalaman rohani dan kelangsungan warisan ilmu turun-temurun. Memahami jenis-jenis saka ini penting bagi menjelaskan kenapa rawatan terhadapnya perlu bersifat tersusun dan mengambil kira latar belakang pewarisan yang unik dan simbolik.

Gejala Saka Yang Terdapat Pada Pesakit

Kelima-lima informan menyatakan bahawa kes berkaitan saka masih berlaku dan sering datang daripada waris-warisan generasi muda yang tidak mengetahui bahawa mereka mewarisi entiti tersebut. Gejala umum yang dikenalpasti termasuklah mimpi-mimpi pelik yang berulang, lintasan suara ghaib, gangguan waktu malam, penyakit berpanjangan tanpa punca perubatan dan perubahan sikap yang mendadak. Terdapat juga kes di mana seseorang itu secara tiba-tiba boleh melakukan rawatan, merawat orang lain atau mempunyai tenaga batin luar biasa tanpa

sebarang latihan yang kemudian dikenal pasti sebagai pewaris saka (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025; Mashuti, 2021; Hamat et al., 2005).

Selain itu, secara terperinci tanda-tanda kehadiran saka dalam diri seseorang sering kali dapat dikenal pasti melalui simptom semasa tidur dan ketika jaga. Antara tanda semasa tidur termasuklah kesukaran untuk meletakkan mata sehingga ke penghujung malam, sering terjaga dalam keadaan gelisah serta mengalami mimpi yang menekan dada sehingga seolah-olah tidak mampu mendapatkan pertolongan keadaan ini dikenali dalam masyarakat Melayu sebagai 'ditindih hantu'. Selain itu, individu juga mungkin mengalami mimpi yang menyeramkan seperti terjatuh dari tempat tinggi, berada dalam kubur atau kawasan kotor serta melihat binatang seperti kucing, anjing, unta, ular, singa, serigala dan tikus. Terdapat juga kes seperti menggertak gigi, mengeluh, ketawa, menangis atau meraung dalam tidur, bangun dan berjalan tanpa sedar, serta melihat individu dalam bentuk fizikal yang luar biasa seperti terlalu tinggi, terlalu rendah atau berwajah hitam pekat. Manakala tanda-tanda semasa jaga pula merangkumi sakit kepala yang berpanjangan tanpa punca perubatan yang jelas, terhalang dari berzikir atau bersolat, hilang tumpuan dan ingatan, kecenderungan untuk menyendiri dan menjadi malas atau merasa sakit pada anggota badan tertentu yang tidak dapat dijelaskan melalui kaedah perubatan moden. Selain itu, pesakit juga mungkin menunjukkan perubahan tingkah laku yang hanya dapat dikesan oleh individu sekeliling seperti ahli keluarga atau rakan terdekat, dan sering mengelak daripada menerima rawatan (Informan 4, 2025; Informan 5, 2025; Abdullah, & Nik Salleh, 2015).

Kaedah Rawatan Tradisional Bagi Menangani Saka

Rawatan terhadap gangguan saka dalam masyarakat Melayu tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya, malah memerlukan kepada kemahiran tertentu, pengalaman mendalam serta pematuhan kepada aturan ritual dan pantang larang yang telah diwariskan secara lisan sejak turun-temurun. Kaedah rawatan ini tidak sekadar bersifat fizikal seperti penggunaan herba atau air mandian malah merangkumi unsur simbolik dan spiritual yang mencerminkan kefahaman masyarakat Melayu terhadap dunia makhluk halus, perjanjian ghaib dan susur galur warisan batin. Berdasarkan temu bual dengan lima orang pengamal tradisional dari Kedah, Perak, Selangor dan Kelantan, dikenal pasti beberapa kaedah rawatan utama yang lazim digunakan dalam menangani gangguan saka, iaitu:

Mandian Limau dan Bunga

Mandian limau dan bunga merupakan kaedah yang sangat sinonim dalam perubatan tradisional Melayu khususnya dalam usaha menyucikan tubuh daripada pengaruh halus dan mengikis 'bekas' atau 'aura' saka pada diri seseorang. Dalam rawatan saka, mandian ini biasanya mengandungi campuran air sungai atau air telaga, bunga tujuh jenis, limau purut, daun bidara, daun sireh dan garam bukit. Proses ini dijalankan pada waktu tertentu seperti menjelang senja atau sebelum subuh dan dilakukan selama tiga atau tujuh malam berturut-turut. Pesakit akan dimandikan dari kepala hingga kaki mengikut arah tertentu sambil pengamal membacakan jampi warisan atau doa-doa tertentu. Kaedah ini dianggap sebagai proses menyucikan zahir dan batin pesakit sebelum rawatan lain dijalankan. Semua informan menyatakan bahawa mandian limau dan bunga tujuh jenis adalah langkah asas dalam membuka laluan rawatan. Salah seorang pengamal menjelaskan bahawa mandian dilakukan selama tiga malam berturut-turut di perigi tua yang terletak berhampiran kawasan hutan tempat yang dianggap tenang dan tidak bising bagi proses pengeluaran saka. Rawatan ini juga boleh dilakukan di rumah pesakit atau rumah perawat. Mandian disertakan dengan siraman air bacaan surah Yasin dan garam bukit untuk

‘menarik keluar’ angin bisa dari tubuh pesakit (Informan 1, 2025; Informan 2, 2025; Informan 3, 2025; Informan 4, 2025 & Informan 5, 2025).

Upacara Menurun dan Komunikasi Ghaib

Salah satu kaedah paling penting dalam rawatan saka ialah upacara ‘menurun’ atau memanggil saka yang mengganggu. Proses ini memerlukan pengamal masuk ke dalam keadaan separa sadar atau ‘kerasukan terkawal’ di mana mereka membenarkan entiti ghaib hadir dan berkomunikasi melalui jasad pengamal itu sendiri atau jasad pesakit. Dalam situasi ini, suara dan gaya bahasa pengamal atau pesakit akan berubah, dan entiti tersebut akan mendedahkan asal usulnya, sebab ia masih ‘melekat’, serta syarat-syarat untuk melepaskan dirinya dari tubuh pesakit. Tujuan utama upacara ini ialah untuk mendapatkan kepastian bahawa gangguan yang berlaku benar-benar berpunca daripada saka dan bukan kerana sihir atau penyakit biasa. Proses ini memerlukan kawalan spiritual yang tinggi dan tidak boleh dilakukan oleh pengamal yang belum ‘dibuka hijabnya’ oleh tok guru atau orang tua terdahulu. Pengamal yang mengamalkan proses menurun ini adalah untuk mengenal pasti punca gangguan. Mereka memasuki keadaan setengah sadar selepas membaca zikir tertentu dan mula berbicara dengan suara berbeza yang dipercayai entiti saka tersebut. Salah seorang pengamal menyatakan bahawa dalam proses ini entiti akan menyatakan nama tok asalnya, tahun ia ‘diikat’ dengan perjanjian dan sebab ia masih tinggal. Kebanyakan entiti menyatakan bahawa mereka ‘setia’ dan menunggu waris untuk menerima khidmatnya, dan akan memberontak jika ditolak tanpa pengganti (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025).

Pemindahan Saka ke Medium Lain

Bagi kes di mana pesakit tidak mampu atau tidak mahu mewarisi saka, pengamal akan berusaha memindahkan entiti tersebut ke medium lain yang dianggap sesuai seperti binatang (kucing, ayam, kambing), tumbuhan (pokok pisang, pokok nangka), atau objek (batu, balang, atau botol kaca). Pemindahan ini dilakukan dengan upacara tertentu di mana pengamal memindahkan saka melalui sentuhan, jampi atau hembusan. Setelah itu, medium tersebut akan dibuang ke tempat terpencil seperti hutan, sungai atau laut. Dalam sesetengah kes, pengamal akan ‘mengikat’ entiti tersebut pada objek yang dikunci secara spiritual agar tidak kembali kepada pewaris asal. Kaedah ini memerlukan kepakaran tinggi dan kesediaan pesakit untuk memutuskan hubungan batin dengan entiti tersebut (Informan 4, 2025). Ada sebilangan pengamal memindahkan saka dengan upacara ‘mati’ pemilik. Pemilik diselubung seolah telah mati, kemudian saka tersebut dipindahkan pada sebungkus kain putih yang diikat seperti mayat yang dikafankan, kemudian ditanam di kawasan terpencil yang biasa jarang dilalui oleh manusia bagi mengelakkan gangguan. Ada pengamal yang memindahkan pada batu bata merah dan ditanam (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025).

Pemutusan Perjanjian Warisan Saka

Ramai pewaris saka tidak menyedari bahawa nenek moyang mereka telah melakukan ‘perjanjian ghaib’ dengan makhluk halus untuk menjaga keluarga, membantu rawatan atau melindungi diri. Oleh itu, satu bentuk rawatan yang penting ialah pemutusan perjanjian tersebut secara simbolik dan spiritual. Ini biasanya dilakukan melalui pembakaran tangkal, kain kuning, keris kecil atau barang-barang peninggalan yang berkaitan dengan saka berkenaan. Dalam masa yang sama, pengamal akan membacakan jampi pemutus yang diwarisi dari tok guru mereka sambil mengarahkan entiti keluar dari tubuh atau kehidupan pesakit. Proses ini sering disertai dengan bacaan surah tertentu, air limau atau cuka sebagai ikhtiar untuk lemahkan saka tersebut. Selepas proses ini, pesakit akan dinasihatkan untuk menjaga diri melalui amalan kerohanian agar tidak menjadi ‘sasaran’ semula (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025).

Pengambilan dan Pemindahan Saka kepada Waris

Dalam beberapa kes, saka tidak dibuang atau dihapuskan tetapi dipindahkan secara sedar kepada waris tertentu dalam keluarga. Keputusan ini biasanya dibuat oleh pesakit sendiri sama ada atas sebab tradisi, keperluan keluarga atau kerana waris tersebut menunjukkan kecenderungan untuk meneruskan fungsi asal saka tersebut contohnya dalam bidang rawatan, persilatan atau penjagaan adat. Pemindahan ini dilakukan dalam satu upacara khas yang melibatkan penyerahan simbol seperti batu, kain, minyak atau kitab kecil kepada pewaris. Pengamal akan membacakan bacaan khusus bagi ‘menarik’ entiti ke tubuh waris dan pesakit lama akan dibersihkan melalui jampi pemisah. Kaedah ini jarang digunakan kecuali dalam keluarga yang masih berpegang teguh kepada warisan spiritual tertentu dan mempunyai sistem pewarisan tersendiri (Informan 1, 2025; Informan 2, 2025).

Mengurung Saka dalam Botol (Kaedah Pengasingan Entiti Ghaib)

Salah satu kaedah yang agak terkenal dan menjadi sebahagian daripada amalan pengamal perubatan tradisional Melayu ialah mengurung saka dalam botol sama ada botol kaca, tempayan kecil, balang atau bekas tertentu yang dianggap mampu ‘menampung’ kehadiran aka tersebut. Kaedah ini biasanya digunakan dalam situasi di mana entiti saka enggan meninggalkan tubuh pesakit secara sukarela atau bertindak ganas ketika proses pengeluaran dilakukan. Dalam keadaan sedemikian, pengamal akan menggunakan kaedah paksaan ghaib melalui jampi, hembusan, tampan simbolik atau bacaan tertentu yang mampu melemahkan entiti berkenaan lalu memindahkannya ke dalam botol yang telah disediakan. Botol atau balang tersebut tidak sewenang-wenangnya dipilih. Ia perlu bersih, biasanya berwarna lutsinar atau hitam dan kadang kala disediakan terlebih dahulu dengan air limau purut, garam kasar, cuka atau bunga rampai. Beberapa helai kain kuning, cebisan daun bidara, atau tangkal lama juga mungkin dimasukkan ke dalam botol sebagai medium ‘penenang’ atau ‘penarik’ makhluk tersebut. Setelah proses pemindahan selesai, botol itu akan ditutup rapat dan ‘dimeterai’ dengan lilin, benang hitam atau tali putih sambil dibacakan bacaan pengunci. Jika saka berkaitan bahan-bahan warisan seperti keris, cenuai, kain batik, sanggul dan lain-lain, barangan tersebut juga akan diletakkan dalam botol.

Dalam sesetengah kes, pengamal akan menyimpan botol itu untuk beberapa hari sehingga entiti tersebut benar-benar lemah, sebelum dilepaskan di tempat tertentu seperti laut, sungai deras atau tanah perkuburan lama. Dalam kes lain pula, botol tersebut akan dikuburkan jauh dari kawasan kediaman agar makhluk berkenaan tidak dapat kembali. Ada juga pengamal yang menyerahkan botol itu kepada waris pesakit dengan nasihat dan pantang larang tertentu, termasuk tidak membukanya atau tidak menyimpannya di tempat tinggi. Dalam budaya Melayu, amalan ini dikenali juga sebagai mengikat jin atau menangkap pendamping dan dianggap salah satu bentuk rawatan terakhir apabila semua kaedah lembut tidak berhasil.

Proses ini turut menunjukkan bahawa dalam kerangka rawatan Melayu, terdapat konsep ruang peralihan ghaib, di mana makhluk halus boleh dikurung atau diasingkan ke dalam ruang fizikal bersyarat, selagi ia disertakan dengan bacaan, niat dan alat yang betul. Simbol botol atau balang dalam konteks ini bukan sahaja berfungsi sebagai bekas fizikal, tetapi juga sebagai “penjara ghaib” yang mengasingkan gangguan daripada kehidupan manusia. Dua orang pengamal menjelaskan pengalaman mereka mengurung saka ke dalam botol khususnya bagi entiti yang enggan keluar dan menyebabkan pesakit meracau atau kerasukan. Botol yang digunakan dibacakan jampi khas, kemudian dimeterai dengan benang hitam dan lilin kuning. Selepas dikurung, botol tersebut sama ada ditanam di sempadan tanah kampung atau dihanyutkan ke laut. Dalam satu kes, pengamal menyimpan botol tersebut di bilik rawatan selama tiga hari

untuk ‘menenangkan’ saka tersebut sebelum dihanyutkan atau ditanam bersama bertih (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025).

Ikrar Pemutus dengan Memanggil Semua Jaluran Keturunan

Salah satu kaedah rawatan tradisional yang sangat signifikan dalam menangani saka ialah Ikrar Pemutus yang dilakukan dengan kehadiran semua wakil jalur keturunan sama ada secara fizikal mahupun secara spiritual melalui pengakuan pewaris utama. Kaedah ini bertujuan untuk memutuskan kesinambungan pewarisan saka dalam satu-satu keluarga, agar entiti yang telah lama bertapak tidak lagi berpindah ke generasi seterusnya. Amalan ini dianggap sebagai jalan terakhir dan paling menyeluruh dalam merungkaikan ikatan lama antara keturunan manusia dan makhluk ghaib yang telah ‘berkhidmat’ untuk nenek moyang mereka. Dalam pelaksanaan ikrar pemutus ini, pengamal akan meminta agar semua waris utama seperti anak-anak, cucu, atau keturunan terdekat daripada jalur ibu dan bapa hadir dalam satu majlis khas. Sekiranya sebahagian waris tidak dapat hadir, pengakuan dan persetujuan boleh dilakukan melalui wakil keluarga atau secara niat dan lafaz bersama yang diketuai oleh seorang pewaris utama. Sesi ini lazimnya dilakukan pada waktu malam, dalam suasana tertutup dan tenang, dengan penyediaan bahan ritual seperti lilin, bunga rampai, air limau, serta barang warisan lama (jika ada) seperti tangkal, batu, keris atau bekas minyak.

Majlis ini dimulakan dengan bacaan pendinding dan makluman pada saka. Ritual ini bukan untuk menyembah atau memuliakan mereka, tetapi untuk memaklumkan secara rasmi dan simbolik bahawa keluarga ini tidak lagi mahu meneruskan perjanjian lama. Kemudian, pengamal akan membimbing waris utama melafazkan ikrar pemutus yang berbunyi seperti berikut (lafaz berbeza mengikut negeri dan guru):

"Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, aku (sebut nama penuh), waris kepada keturunan (sebut nama keluarga), pada malam ini memutuskan segala ikatan lama, perjanjian nenek moyang kami dengan segala bentuk saka, pendamping, pelindung, jin dan makhluk halus yang diwariskan. Kami tidak menerima, tidak mewarisi dan tidak menyambung khidmat kamu. Pulanglah kamu ke tempat asal kamu. Kami tidak bersahabat dan tidak bermusuhan. Dengan niat ini, kami tutup semua jalur pewarisan. Amin Ya Rabbal 'Alamin."

Selepas ikrar dilafazkan, pengamal akan melakukan ‘pemeteraian’ niat itu dengan menyiram air limau di sekitar tubuh pewaris atau membakar barangan warisan seperti tangkal atau kain warisan. Dalam sesetengah amalan, waris akan diminta mengucapkan ikrar itu sebanyak tiga kali sambil memegang tangan satu sama lain dalam bulatan keluarga. Proses ini juga menandakan bahawa seluruh keluarga bersatu dalam niat untuk tidak lagi terikat dengan beban ghaib nenek moyang mereka. Kekuatan kaedah ini bukan sahaja terletak pada bacaan atau bahan yang digunakan, tetapi pada konsensus spiritual dan sosial keluarga. Ia adalah bentuk rawatan yang bersifat kolektif menuntut kesepakatan waris bahawa warisan ghaib ini bukanlah sesuatu yang perlu diteruskan. Malah, proses ini sering kali memberi kelegaan emosi dan pemulihan psikologi kepada waris yang selama ini hidup dalam ketakutan, kekeliruan atau tekanan akibat gangguan yang tidak berpenghujung.

Kaedah ikrar pemutus ini sangat unik kerana ia menggabungkan unsur keinsafan, penolakan saka serta penyatuan keluarga dalam usaha memutuskan hubungan dengan saka. Ia juga menjadi bukti bahawa dalam budaya Melayu, rawatan saka tidak semestinya bersifat individuistik tetapi turut melibatkan dimensi keluarga dan salasilah sebagai unit penting dalam

sistem kepercayaan masyarakat. Satu dapatan yang menarik ialah penglibatan ikrar pemutus secara kolektif oleh seluruh ahli keluarga, khususnya dalam kes yang berlarutan hingga ke anak cucu. Menurut data lapangan daripada informan, satu keluarga seramai sembilan orang hadir dalam satu malam khusus di mana mereka melafazkan ikrar tidak menerima saka, sambil memegang tangan dalam bulatan. Pengamal membimbing lafaz tersebut dan menekankan bahawa proses ini bukan sahaja untuk memutuskan saka, tetapi sebagai pengisytiharan keseluruhan keluarga untuk tidak lagi ada hubungan dengan saka keluarga mereka. Upacara ini akan berkesan apabila dilakukan dengan ikhlas dan bersatu hati (Informan 1, 2025; Informan 5, 2025).

Perbincangan dapatan Kajian

Dapatan kajian lapangan yang melibatkan lima orang pengamal perubatan tradisional Melayu dari Kedah, Perak, Selangor dan Kelantan memperlihatkan bahawa rawatan terhadap gangguan saka masih merupakan satu bentuk amalan yang tersusun, diwarisi secara lisan, dan berakar umbi dalam sistem budaya serta spiritual masyarakat Melayu. Meskipun berdepan dengan perkembangan teknologi perubatan moden, kepercayaan terhadap kewujudan saka masih kuat, khususnya dalam kalangan mereka yang berhadapan dengan gejala gangguan yang tidak dapat dijelaskan melalui pendekatan saintifik semata-mata.

Kefahaman Masyarakat terhadap Konsep Saka

Salah satu isu penting yang dapat dirumuskan daripada temu bual ialah pemahaman masyarakat terhadap konsep saka walaupun semakin terhakis, terdapat sebilangan masyarakat masih mempercayainya. Ramai pesakit tidak menyedari bahawa gejala-gejala yang dialami seperti mimpi pelik, gangguan malam atau kesukaran hidup yang berpanjangan berkait rapat dengan pewarisan ghaib daripada nenek moyang (Informan 1, 2025). Pengamal menyatakan bahawa masyarakat masa kini lebih cenderung menganggap saka sebagai mitos atau imaginasi sehinggalah mereka sendiri mengalami gangguan yang tidak mampu dirawat secara perubatan moden. Walaupun begitu, perlu ada kajian lanjutan untuk mengenali simptom saka dan rawatan yang ditawarkan agar tidak termasuk dalam ruang lingkup meminta tolong kepada Jin (Sidek, 2004).

Pandangan terhadap Saka sebagai Beban Rohani

Kesemua informan bersetuju bahawa kebanyakan waris saka tidak mahu menerima, bukan kerana mereka anti tradisitetapi kerana kesan gangguan yang berat terhadap kehidupan, rumah tangga dan keturunan. Ramai anak muda yang mewarisi saka menjadi lemah semangat, kehilangan arah atau mengalami gangguan kesihatan tanpa penjelasan saintifik. Namun begitu, terdapat juga segelintir yang sengaja menerima saka demi menjaga kesinambungan amalan rawatan atau persilatan keluarga dengan syarat mereka boleh mengendalikannya tanpa memudaratkan orang lain. Secara keseluruhan dapatan lapangan menunjukkan bahawa kaedah rawatan saka dalam budaya Melayu bukanlah satu bentuk khurafat semata-mata tetapi merupakan sistem rawatan tradisional yang tersusun. Kaedah-kaedah seperti mandian limau, menurun, pemindahan ke medium lain, pengurungan dalam botol dan ikrar pemutus merupakan refleksi kepada kefahaman mendalam masyarakat Melayu terhadap dunia halus dan warisan keluarga. Walaupun cabaran moden menyebabkan amalan ini semakin berkurang namun dokumentasi seperti ini menjadi asas penting dalam memahami struktur spiritual masyarakat dan peranan perubatan tradisional dalam menangani krisis rohani dan dapat membantu penilaian hukum Islam dibuat (Informan 1, 2025; Informan 3, 2025).

Keberagaman Kaedah Rawatan Saka

Pelbagai kaedah rawatan yang dikenal pasti dalam kajian ini membuktikan bahawa perubatan tradisional Melayu memiliki struktur yang sistematik dan bertahap, bermula dengan penyucian diri (mandian), pengenalanpastian entiti (menurun dan guna pengalaman), pengasingan (pemindahan atau kurungan), dan akhirnya penamatan ikatan (ikrar pemutus). Menariknya, setiap kaedah ini tidak dilakukan secara rawak, sebaliknya mengikut tertib dan bacaan tertentu yang diwarisi daripada pengamal terdahulu. Ini menunjukkan adanya sistem epistemologi tersendiri dalam kerangka rawatan tradisional, yang tidak hanya bergantung kepada intuisi tetapi juga kepada amalan ritual, simbol dan pengalaman merawat dalam jangka masa yang panjang. Kepelbagaian rawatan yang ditawarkan ini perlu kepada penilaian hukum (Informan 2, 2025; Informan 4, 2025 Abd Razzak et al. 2019)

Peranan Keluarga dalam Pewarisan dan Pemutusan Saka

Satu dapatan penting daripada kajian ini ialah peranan keluarga dalam meneruskan atau memutuskan pewarisan saka. Terdapat keluarga yang secara sedar mengekalkan saka demi menjaga kesinambungan dalam bidang rawatan, persilatan atau adat, namun majoritinya memilih untuk menamatkan hubungan tersebut. Ikrar pemutus secara kolektif yang dijalankan dengan kehadiran waris-waris utama menunjukkan bahawa rawatan saka dalam budaya Melayu bukan sekadar bersifat individu tetapi bersifat komunal dan berbasis keturunan. Dalam erti kata lain, saka tidak sekadar berpindah kerana faktor spiritual tetapi kerana ada hubungan kekerabatan daripada keturunan sama ada disedari atau tidak. Maka, kekuatan ikrar terletak pada kekuatan hubungan keluarga dan niat bersama untuk menolak warisan ghaib tersebut (Informan 1, 2025; Informan 5, 2025).

Kelangsungan Amalan dan Cabaran Moden

Walaupun amalan rawatan saka semakin berkurang dari segi jumlah pengamal namun ia masih wujud sebagai alternatif penting dalam sistem rawatan. Namun demikian, pengamal tradisional berdepan dengan cabaran seperti tanggapan negatif, kekangan pewarisan ilmu, dan kekeliruan masyarakat antara perubatan tradisional dengan amalan khurafat. Justeru, terdapat keperluan untuk melihat rawatan tradisional secara objektif sebagai satu bentuk pengetahuan budaya yang berfungsi dalam konteks masyarakatnya serta penilaian hukum Islam perlu dibuat bagi memastikan amalan dalam masyarakat selari dengan hukum Islam (Informan 1, 2025; Informan 2, 2025).

Kesimpulan dan Saranan

Kajian ini telah mendokumentasikan secara terperinci pelbagai kaedah rawatan saka dalam perubatan tradisional Melayu yang masih diamalkan oleh segelintir pengamal di Kedah, Perak, Selangor dan Kelantan. Dapatan menunjukkan bahawa rawatan saka merupakan satu bentuk amalan warisan yang berpaksikan kefahaman budaya, spiritual dan sosial yang telah terbina sejak turun-temurun. Kaedah seperti mandian limau, menurun, pemindahan ke medium lain, pengurungan dalam botol serta ikrar pemutus secara kolektif membuktikan kewujudan sistem rawatan yang tersusun, berstruktur dan kaya dengan simbolisme. Setiap kaedah ini bukan sahaja melambangkan usaha pemulihan jasmani dan rohani, tetapi juga menjadi wahana untuk memahami hubungan batin antara manusia dan entiti warisan dalam konteks masyarakat Melayu tradisional.

Rawatan terhadap gangguan saka tidak sekadar bertujuan mengeluarkan entiti ghaib, tetapi juga sebagai mekanisme untuk memutuskan ikatan lama yang diwarisi oleh keturunan terdahulu. Proses ini melibatkan bukan sahaja pesakit secara individu, malah ahli keluarga dan masyarakat

sekeliling, terutamanya apabila melibatkan jaluran pewarisan yang telah berakar lama dalam struktur keluarga. Kaedah rawatan ini menonjolkan kepentingan nilai kekeluargaan, semangat komuniti serta kuasa spiritual dalam menstrukturkan keseimbangan batin manusia. Dalam erti kata lain, perubatan tradisional Melayu bukanlah bentuk amalan yang bersifat statik atau mistik semata-mata, tetapi mencerminkan satu sistem yang mempunyai logiknya yang tersendiri berdasarkan pengalaman, pemerhatian dan ilmu yang diwarisi secara turun-temurun. Selain itu, penilaian rawatan saka daripada perspektif syariah perlu dijalankan dengan segera bagi memastikan rawatan saka tidak terkeluar daripada garis panduan yang ditetapkan syara'.

Saranan Kajian Lanjutan

1. Kajian perbandingan antara rawatan tradisional dan rawatan Islam moden. Satu kajian lanjut boleh dijalankan untuk membandingkan antara pendekatan perubatan tradisional Melayu dengan rawatan berasaskan ruqyah syar'iyah, bagi mengenal pasti titik temu, titik pisah serta potensi integrasi budaya dan agama dalam menangani gangguan spiritual.
2. Pemetaan Geobudaya Rawatan Saka Mengikut Negeri. Kajian berskala lebih besar boleh dibuat bagi memetakan bentuk rawatan dan jenis saka mengikut negeri atau suku etnik Melayu (Melayu Kelantan, Melayu Perak, Melayu Rawa, Melayu Banjar) agar dokumentasi lebih sistematik dapat diwujudkan secara etnografik.
3. Kajian lisan dan visual terhadap tokoh pengamal tradisional. Disarankan agar diwujudkan dokumentasi video, rakaman audio dan transkripsi lisan daripada tokoh pengamal perubatan tradisional yang masih hidup.
4. Pembangunan arkib digital warisan rawatan tradisional. Institusi akademik dan badan kebudayaan boleh bekerjasama untuk membangunkan repositori digital yang menyimpan data, transkripsi dan artifak berkaitan rawatan saka agar dapat diakses sebagai sumber rujukan budaya dan akademik.
5. Penyelidikan psikospiritual terhadap pesakit saka. Kajian dari sudut psikologi budaya dan kesihatan mental juga wajar dijalankan bagi melihat kesan gangguan saka terhadap kesejahteraan emosi dan sosial pesakit, dan bagaimana rawatan tradisional mempengaruhi pemulihan mereka.
6. Penilaian hukum perlu dilaksanakan dengan komprehensif bagi memastikan tiada unsur syubuh dan haram terhadap rawatan yang dilaksanakan.

Dengan kajian yang lebih meluas dan pendekatan interdisiplin, warisan rawatan saka dalam budaya Melayu bukan sahaja dapat didokumentasi dengan lebih rapi, tetapi juga dimartabatkan sebagai khazanah pengetahuan tempatan yang penting dalam memahami ketamadunan, kepercayaan dan pengurusan spiritual dalam masyarakat Melayu.

Rujukan

- Abd Razzak, M. @ M., Ahmad, K., & Ab Rahim, N. M. Z. (2019). Penyalahgunaan ayat al-Quran dan penyelewengan pusat pengubatan Islam di Malaysia [The misuse of Quranic verses and deviant of Islamic medical centre in Malaysia]. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 429–448. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp429-448>
- Abdullah, A. T., & Nik Salleh, N. N. (2015). Masyarakat Melayu dan alam bunian: Satu pemerhatian awal dari perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 41, 25–52.
- Aldi, A. (2023). *Sistem Kepercayaan Masyarakat Terhadap Benda-Benda Sakral Di Desa Pasiang Kabupaten Polewali Mandar* (Doctoral Dissertation, IAIN Parepare).
- Asih Pangesti, B. (2024). *Bentuk penyajian sendratari nitik Siti Wangi dalam upacara adat abinaya reksa buwana di desa Mangunan Kecamatan Dlingo Kabupaten Bantul* (Doctoral dissertation, Institut Seni Indonesia Yogyakarta)
- Azeharie, S. (2023). Komunikasi lintas budaya pada masyarakat Lingsar Lombok. *Jurnal Serina Sosial Humaniora*, 1(3), 205-216.
- Berita Harian. (2016, Jun). *Emas untuk halau saka lesap*. Berita Harian. [URL: <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2016/06/168856/emas-untuk-halau-saka-lesap>]
- Fauzan, A., & Mulyati, F. (2025). Analisis hukum Islam tentang kepercayaan masyarakat Banjar terhadap memelihara benda pusaka. *Indonesian Journal of Islamic Jurisprudence, Economic and Legal Theory*, 3(1), 438-445.
- Hamat, M. F., Shahrar, M. F. M., & Mas'od, M. A. (2005). Pemikiran mistik dalam kalangan masyarakat Melayu: Satu sorotan awal. *Jurnal Usuluddin*, 22, 139–160.
- Harian Bharian. (2023, November 25). *Suri rumah dicabul bomoh ketika rawatan buang saka*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1181594/suri-rumah-dicabul-bomoh-ketika-rawatan-buang-saka>
- Harian Metro. (2018, April 2). *Lelaki maut berubat buang saka*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/04/334489/lelaki-maut-berubat-buang-saka>
- Haron Din, H., Mokhtar Kassan, T. H., & Azizan Ramly. (2014). *Kaedah merawat saka*. PTS Publishing House.
- Julijanti, D. M., & Sos, S. (2025). *Budaya dan komunikasi masyarakat Madura*. Penerbit Adab.
- Mat Rafi, N. A. ., & Raja Halid, R. I. . (2021). Warisan perubatan tradisional dalam seni silat di Kelantan, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(2), 36–59. <https://doi.org/10.47252/teniat.v9i2.740>
- Mohd Mashuti, K. A. S. B. (2021). *Praktik pengobatan di Sirrul Qur'an, Perak, Malaysia ditinjau dari ajaran Islam* (Skripsi Sarjana, Fakultas Ushuluddin dan Studi Islam, Universitas Islam Negeri Raden Fatah Palembang).
- Pullongi, A., & Saili, J. (2022). The death custom of the Bajau community in Sabah: Assessment from an Islamic perspective / *Adat kematian masyarakat Bajau di Sabah: Penilaian dari perspektif Islam*. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 1–12. <https://al-qanatir.com/index.php/aq/article/view/531>
- Restiani, E., Arieta, S., & Setiandika Igiyasi, T. (2025). *Praktik keyakinan masyarakat Suku Laut Pasca dirumahkan (Studi Di Pulau Senang Kecamatan Temiang Pesisir Kabupaten Lingga)* (Doctoral Dissertation, Universitas Maritim Raja Ali Haji).
- Robiatul, A. (2024). *Fenomena tradisi suro perspektif hadis Nabi* (Doctoral Dissertation, Uin Raden Intan Lampung).
- Rohmah, N. (2024). *Mistisisme Jawa dalam Novel Wigati; Lintang Manik Woro Karya Khilma Anis dan implikasinya terhadap pembelajaran sastra di madrasah Aliyah* (Bachelor's Thesis, Jakarta: FITK UIN Syarif Hidayatullah jakarta).

- Sahamit, R., & Abdurahman, J. (2022). *The Bajau Laut death rituals: Spiritual reflection from the Islamic perspective*. *Al-Itqan: Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies*, 6(1), 102–114. <https://journals.iium.edu.my/al-itqan/index.php/al-itqan/article/view/246>.
- Santosa, I. B. (2021). *Spiritualisme Jawa: sejarah, laku, dan intisari ajaran*. Diva Press.
- Santosa, I. B. (2022). *Samudra kearifan warisan leluhur Nusantara: Tuturan-tuturan dan Falsafah-Falsafahnya*. Noktah.
- Sidek, J. (2004). *Berpawang dan bersahabat dengan jin dari perspektif Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Solutions, I. D. (2024). Rajah dalam tradisi masyarakat Aceh. *Tashwir*, 12(02), 99-108.
- Suidat, S., Winarsih, D., & Said, A. R. (2021). Sistem religi dan kepercayaan masyarakat kasepuhan Sinar Resmi Cisolok Sukabumi. *Jurnal Citizenship Virtues*, 1(2), 113-123.